

Bahagian A

- 1 Apakah nama lain bagi Zaman Paleolitik? **TP1**
- Zaman Batu Baru
 - Zaman Batu Awal
 - Zaman Batu Lama
 - Zaman Batu Pertengahan

- 2 Antara berikut kegiatan manakah yang membezakan Zaman Logam dengan zaman sebelumnya? **TP2**
- Pertanian
 - Pemburuan
 - Penternakan
 - Perdagangan

Zaman X
- Tempoh masa 2.5 juta tahun hingga 8 000 SM - Menggunakan peralatan daripada batu dan tulang binatang

- 3 Apakah zaman X? **TP2**
- Zaman Neolitik
 - Zaman Mesolitik
 - Zaman Paleolitik
 - Zaman Haobinhian
- 4 Maklumat di bawah berkaitan dengan lokasi Zaman Prasejarah.

Lokasi Zaman Prasejarah di Dunia

- Gua Chauvet, Perancis diduduki oleh manusia silih berganti antara 30 000 SM hingga 27, 000 SM
- Menjalankan aktiviti memburu binatang



Apakah yang membuktikan manusia di kawasan itu melakukan aktiviti memburu binatang? **TP2**

- Penemuan alatan berburu di dalam gua
- Penemuan lukisan binatang di dalam gua
- Penemuan kerangka binatang di dalam gua
- Penemuan utusan memburu binatang di dalam gua

- 5 Dialog di bawah berkaitan tentang lokasi Zaman Prasejarah. **TP2**

Lokasi ini merupakan tapak Zaman Besi yang paling menonjol di Asia Tenggara.



Aktiviti utama yang dilakukan di sini adalah pembuatan tembikar.

Apakah lokasi yang berkaitan dengan tapak prasejarah di atas?

- Sa Hyun, Vietnam
- Lenggong, Malaysia
- Ban Chiang, Thailand
- Gua Liang Bua, Pulau Flores Indonesia

- 6 Antara berikut, yang manakah aktiviti yang dilakukan oleh manusia di Ban Chiang, Thailand? **TP2**
- Pembuatan logam
 - Pertanian
 - Memburu binatang
 - Perdagangan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

- 7 Peta 1 menunjukkan peta Asia Tenggara.



Peta 1

Lokasi penemuan rangka manusia yang berusia 22,000 hingga 24,000 tahun dahulu di kawasan bertanda **TP2**

- W
- X
- Y
- Z

8 Antara berikut, yang manakah susunan yang betul bagi peringkat Zaman Prasejarah? **TP2**

- I Zaman Neolitik
- II Zaman Mesolitik
- III Zaman Paleolitik
- IV Zaman Logam
- A I, II, III, IV
- B I, III, II, IV
- C II, III, I, IV
- D III, II, I, IV

9 Antara berikut, yang manakah ciri kehidupan manusia Zaman Logam yang tidak terdapat pada Zaman Neolitik? **TP2**

- A Tinggal di dalam gua
- B Tinggal di lembah sungai
- C Tinggal di pesisiran pantai
- D Tinggal di kawasan tanah tinggi

10 Apakah alatan yang digunakan oleh manusia pada Zaman Mesolitik ketika memburu binatang? **TP2**

- A Batu
- B Kayu
- C Panah
- D Tulang haiwan

11 Gambar 1 menunjukkan tempat diadakan upacara ritual di Gobekli Tepe, Turki pada Zaman Prasejarah. **TP2**



Gambar 1

Apakah Zaman Prasejarah tersebut?

- A Zaman Logam
- B Zaman Neolitik
- C Zaman Mesolitik
- D Zaman Paleolitik

12 Apakah kesan kemunculan organisasi sosial pada Zaman Neolitik? **TP2**

- A Perkongsian hidup dilakukan dengan baik
- B Aturan kehidupan yang lebih baik terbentuk
- C Penyelesaian masalah dilakukan dengan baik
- D Tugas kerja dapat dibahagikan dengan saksama

13 Gambar 2 menunjukkan satu kejadian alam semula jadi, iaitu kilat. **TP2**



Gambar 2

Apakah kaitan gambar di atas dengan Zaman Paleolitik?

- A Menyembah kilat
- B Mempercayai kuasa kilat
- C Berlindung jika terdapat kilat
- D Sentiasa meminta kemunculan kilat

14 Apakah jenis tanaman yang ditanam pada Zaman Prasejarah? **TP2**

- I Padi
- II Tebu
- III Jagung
- IV Gandum
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Apakah maksud budaya megalit yang dipercayai oleh masyarakat Zaman Prasejarah? **TP2**

- A Batu besar yang digunakan sebagai dinding untuk pembinaan tempat tinggal
- B Lukisan yang dilukis di dalam gua untuk dijadikan bukti bahawa wujud Zaman Prasejarah
- C Batu besar yang tersusun rapi dipercayai mempunyai kaitan dengan amalan kepercayaan dan ritual
- D Lukisan yang dilukis oleh masyarakat Zaman Prasejarah yang dipercayai boleh memberi kuasa kepada mereka

16 Bagaimanakah manusia Zaman Prasejarah berkomunikasi? **TP2**

- A Lukisan tembikar
- B Lukisan pada patung
- C Lukisan gua dan ukiran kayu
- D Lukisan pada alatan memburu

3.3 Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah SP 3.1.3 K 3.1.6

1 Padankan ciri-ciri tempat kediaman manusia pada Zaman Prasejarah. TP 2 Buku Teks m.s. 52

Zaman Paleolitik •

- Menetap dan membina tempat kediaman dengan batu, tanah liat dan kayu serta lebih tersusun.
- Mereka juga tinggal di kawasan tanah tinggi selain lembah sungai dan pesisiran pantai.

Zaman Mesolitik •

- Tinggal secara menetap di kawasan petempatan terutama di lembah sungai dan pesisiran pantai.
- Membina rumah yang diperbuat daripada batu, tanah liat dan kayu.

Zaman Neolitik •

- Tumpuan utama petempatan ialah gua dan lubang bawah tanah.
- Berlindung di bawah pokok yang diperbuat daripada ranting kayu.

Zaman Logam •

- Masih mendiami gua dan lubang bawah tanah serta tempat berlindung yang diperbuat daripada ranting kayu.
- Menjadikan pinggir sungai dan laut sebagai tumpuan untuk memudahkan mereka mendapatkan bekalan air dan makanan.

2 Bulatkan Zaman Prasejarah yang betul berdasarkan peralatan yang digunakan manusia. TP 2

Buku Teks m.s. 53

a

- Peralatan daripada batu, kayu dan tulang haiwan.
- Peralatan ini pula dalam bentuk sedia ada, ringkas dan kasar pembuatannya.

Zaman Paleolitik

Zaman Neolitik

b

- Lebih halus dan kemas pembuatannya.
- Pelbagai alatan termasuklah alat menggali dan roda.

Zaman Mesolitik

Zaman Neolitik

c

- Telah mampu mencipta peralatan yang diperbuat daripada logam.
- Memiliki tahap kehidupan yang lebih tinggi.
- Peralatan daripada tembaga, gangsa dan besi.

Zaman Logam

Zaman Mesolitik

d

- Masih diperbuat daripada kayu, batu dan tulang haiwan.
- Pembuatannya lebih halus.
- Menggunakan panah semasa memburu binatang dan menggunakan perangkap untuk menangkap ikan.

Zaman Paleolitik

Zaman Mesolitik